

Amalan-Amalan Yang Membawa Seseorang Ke Syurga

١٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَى أَغْرَابِي النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ذُلِّي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ دَخَلْتُ الْجَنَّةَ قَالَ تَعْبُدُ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَتَقِيمُ الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ وَتُؤَدِّي الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا أُزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُ فَلَمَّا وَلَّى قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَلْيَنْظُرْ إِلَى هَذَا - متفق عليه.

Islam yang paling utama. (2) Kelebihan dan keistimewaan qiblat (Baitillah / al-Masjidil Haram). Menghadap ke arah qiblat ketika bersembahyang adalah salah satu syarat untuk sahnya sembahyang seseorang, kecuali dalam keadaan khauf (terancam oleh musuh dan lain-lain ancaman). Menghadap qiblat juga merupakan salah satu syi'ar agama Islam yang utama. (3) Memakan sembelihan orang Islam juga merupakan salah satu tanda yang menunjukkan keislaman seseorang. Ini kerana terdapat ramai sekali bukan Islam, sama ada dari kalangan Ahlil Kitab atau penganut-penganut agama yang lain tidak memakan sembelihan orang-orang Islam. (4) Umat Islam dianjurkan supaya melayanai manusia berdasarkan zahirnya. Jika zahirnya Islam, ia akan dilayan sebagai Islam. Dan jika zahirnya bukan Islam, ia akan dilayan sebagai bukan Islam. (5) Petunjuk-petunjuk zahir seperti yang tersebut di dalam hadits di atas itulah seharusnya dijadikan pedoman. Umat Islam tidak dibenarkan mengintip, menyelidik dan mencungkil rahsia seseorang untuk mengetahui keislamannya, kecuali terdapat petanda-petanda yang sangat meragukan dan boleh mengancam kewujudan dan kesejahteraan ummah. (6) Setiap orang Islam terikat dengan perjanjiannya dengan Allah dan RasulNya untuk tidak mengganggu-gugat dan mencero bohi darah (diri), harta benda dan kehormatan sesama saudara muslim. (7) Mencero bohi mana-mana satu daripadanya bererti mencero bohi jaminan perlindungan Allah dan membatalkan perjanjian yang sedia terjalin di antaranya dengan Allah dan Rasul. (8) Membatalkan perjanjian yang sedia terjalin dengan Allah dan RasulNya adalah dosa besar. Mencero bohi jaminan perlindungan Allah dan RasulNya dengan menumpahkan darah orang Islam, mengambil harta bendanya tanpa hak dan mencemarkan nama baiknya juga merupakan dosa besar. (9) Ahlul Qiblah yang tersasul sedikit sebanyak 'aqidahnyanya daripada 'aqidah Ahlil Haq (Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah) kerana tersalah dalam menta'wilkan maksud sebenar al-Qur'an dan al-Hadits, seperti sesetengah golongan Mu'tazilah, Khawarij dan lain-lain tidak boleh dihukum kafir, jika ia masih menerima ajaran dan hukum Islam secara keseluruhannya. Alasannya ialah kerana kesalahan mereka itu berpunca daripada salah faham dan salah ta'wilan semata-mata, bukan kerana mereka menolak dan mengingkarinya.

¹¹² Selain Bukhari, hadits ini turut diriwayatkan oleh an-Nasaa'i, al-Baihaqi dan at-Thabaraani. Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain juga ada meriwayatkan hadits-hadits yang sama ma'nanya dengan hadits ini.

12- Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, katanya: “Ada seorang Arab dusun¹¹³ datang kepada Nabi s.a.w., lalu dia berkata: “Tunjukkan (beritahulah) kepadaku suatu amalan yang jika aku kerjakan, aku dapat masuk syurga.” Jawab Nabi s.a.w.: “Engkau menyembah Allah¹¹⁴ dan tidak menyengutukannya dengan apapun,¹¹⁵ mendirikan

¹¹³ Seorang Arab dusun yang tersebut di sini menurut sesetengah ‘ulama’ adalah daripada qabilah Qais. Namanya ialah Ibnu al-Muntafiq berdasarkan riwayat yang dikemukakan oleh al-Baghawi, Ibnu as-Sakan, at-Thabaraani di dalam Mu’jam Kabirnya dan Abu Muslim al-Kajji di dalam Sunannya. As-Shairafi menda’wa nama sebenar Ibnu al-Muntafiq itu ialah Laqith bin Shabrah. Beliau adalah salah seorang pengunjung Nabi s.a.w. dari kalangan Bani al-Muntafiq. Tetapi Syeikhul Hadits Maulana ‘Ubaidullah al-Mubaarakfuri di dalam Mir’aatu al-Mafaatih Syarah Misykaat al-Mashaabih mempertikaikannya. Kata beliau kisah soalan Ibnu al-Muntafiq itu lebih sesuai dengan riwayat Abu Ayyub yang dikemukakan oleh Muslim dan lain-lain. Ia tidak sesuai dengan riwayat Abu Hurairah ini. Hakikat ini tidak tersembunyi kepada orang-orang yang mempunyai ma’lumat tentang riwayat-riwayat hadits. Hafiz al-‘Aini pula mengatakan, nama orang Arab dusun itu ialah Sa’ad bin al-Akhram. Pendapat al-‘Aini itu juga dipertikaikan oleh Maulana ‘Ubaidullah.

¹¹⁴ Engkau menyembah Allah atau engkau beribadat kepada Allah hanyalah terjemahan harfiah (literal) bagi sabda Baginda s.a.w.: تَعْبُدُ اللَّهَ. Menurut sesetengah ‘ulama’ ia seharusnya dipakai dengan erti تَوَحَّدُ اللَّهَ dan seharusnya diterjemahkan dengan: Engkau mengesakan Allah atau mentauhidkanNya. Alasan mereka ialah jika ia dipakai dengan erti engkau menyembah Allah atau engkau beribadat kepada Allah, niscaya akan berlaku pengulangan dalam sabda Baginda s.a.w. Kerana telahpun termasuk di dalamnya sembahyang, zakat dan puasa yang disebutkan selepas itu. Bukankah semua yang tersebut itu juga merupakan ibadat? Selain itu, تَعْبُدُ اللَّهَ وَقِيَمُ الصَّالَةِ الْمَكْتُوبَةِ وَتُؤَدِّي الزَّكَاةَ الْمَقْرُوضَةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ semuanya di’athafkan kepada تَعْبُدُ اللَّهَ menggunakan wau (و) sebagai haraf ‘athafnya. Sedia dima’lumi para pelajar Nahu bahasa Arab bahawa ‘athaf dengan menggunakan wau (و) sebagai haraf ‘athaf, menghendaki ma’tuf dan ma’tuf ‘alaihnya dua perkara atau dua benda yang berbeza (العطف بالواو يقتضي المغايرة). Adapun berkenaan dengan kepercayaan kepada kenabian Muhammad s.a.w., kenapa ia tidak disebutkan bersama-sama dengan kepercayaan tauhid di dalam hadits ini, maka jawabannya ialah oleh kerana ia memang merupakan syarat untuk diterima kepercayaan tauhid dan orang Arab dusun itu pula pada zahirnya sudah mempercayainya, Nabi s.a.w. merasakan ia tidak perlu lagi disebut. Menyebutkan kepercayaan tauhid sahaja juga bertujuan menarik perhatian semua orang kepada asas sebenar ‘aqidah Islam dan kemuliaan ‘aqidah tauhid itu sendiri. Itulah sebabnya orang yang hampir mati dianjurkan supaya diajar kalimah tauhid sahaja. Nabi s.a.w. juga ada bersabda: مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ. Bermaksud: “Orang yang ucapan terakhirnya ialah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, pasti akan masuk syurga.” (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Baihaqi, Ibnu Khuzaimah, Haakim, at-Thabaraani dan lain-lain). Boleh juga تَعْبُدُ اللَّهَ itu diterjemahkan dengan: “Engkau mengabdikan diri kepada Allah.” Kerana keseluruhan kehidupan jin dan manusia, khususnya yang muslim pada hakikatnya untuk menyatakan pengabdian diri kepada Allah semata-mata, sesuai dengan firman Allah berikut:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Bermaksud: dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepadaKu. (az-Zaariyaat:56). Oleh kerana bersembahyang, berzakat dan berpuasa adalah antara bentuk pengabdian diri yang paling ketara dan paling istimewa, maka

shalat fardhu, menunaikan zakat yang difardhukan dan berpuasa di bulan Ramadhan”.¹¹⁶ Kata orang Arab dusun itu: “Demi Tuhan yang jiwaku berada di

ia disebutkan pula secara khusus untuk menarik perhatian terhadapnya setelah menyebutkan “Engkau mengabdikan diri kepada Allah” secara umum. Ini bererti sabda Nabi s.a.w. وَتَقِيَمُ الصَّلَاةَ وَتُعْبُدُ اللَّهَ selepas وَتُؤَدِّي الزَّكَاةَ الْمَقْرُوضَةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ (menyebutkan sesuatu secara khusus setelah menyebutnya secara umum).

¹¹⁵ Tujuan Nabi s.a.w. bersabda: “dan tidak menyengutukanNya dengan apapun” selepas bersabda: “Engkau menyembah Allah” ialah untuk menolak kepercayaan dan amalan orang-orang kafir musyrik. Kerana orang-orang musyrikin juga pada zahirnya menyembah Allah, cuma mereka tidak menyembah Allah semata-mata. Di samping menyembah Allah, mereka juga menyembah bermacam-macam berhala dengan kepercayaan berhala-berhala itu adalah sekutu-sekutu Allah. Kalau perkataan تَعْبُدُ dipakai dengan erti تُؤَحِّدُ, niscaya sabda Nabi s.a.w. “dan tidak menyengutukanNya dengan apapun” seharusnya dipakai sebagai ta’kid dan penguat kepada sabda Baginda sebelum itu: “Engkau mengesakan Allah atau mentauhidkanNya”.

¹¹⁶ Jika diperhatikan hadits Abu Hurairah ini, anda akan mendapati hanya tiga sahaja daripada rukun Islam disebutkan. Sembahyang, zakat dan puasa. Kenapa haji tidak disebutkan di dalamnya? Ada beberapa jawapannya. Antara lainnya ialah: (1) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, ia tidak disebutkan kerana orang Arab dusun itu memang telah keluar dari rumahnya untuk mengerjakan haji pun. (2) Di dalam riwayat asal, haji juga sebenarnya ada disebutkan, tetapi salah seorang perawi sengaja menggugurkannya dengan tujuan meringkaskan hadits. (3) Maulana Syabbir Ahmad ‘Utsmani berpendapat, ibadat-ibadat yang berkaitan dengan tubuh badan manusia secara kasarnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian. (i) من قبيل الأعمال (yang berkaitan dengan perbuatan dan melakukan). (ii) من قبيل التروك (yang berkaitan dengan meninggalkan perbuatan atau tidak melakukan). Baginda s.a.w. menyebutkan sembahyang dan zakat hanya sebagai mengisyaratkan kepada ibadat-ibadat yang berkaitan dengan melakukan. Menyebutkan puasa pula hanya sebagai mengisyaratkan kepada ibadat-ibadat yang berkaitan dengan tidak melakukan. Ia tidak bererti amalan-amalan yang mesti dijaga dan dibuat oleh seseorang muslim hanya yang tersebut itu sahaja. (4) Jika diperhatikan riwayat ini atau riwayat-riwayat lain seumpamanya, anda akan mendapati di dalam setengah-setengahnya ada tersebut perkataan-perkataan tertentu dan ada pula perkataan-perkataan tertentu tidak disebutkan. Di dalam riwayat ini saja misalnya, ada yang tidak disebutkan di dalamnya perkataan puasa dan ada pula yang tidak disebutkan di dalamnya perkataan zakat. Ada juga yang tidak disebutkan di dalamnya perkataan iman. Demikian juga sebaliknya, di dalam sesetengah riwayat ada tersebut tentang silatur rahim. Di dalam yang lain pula ada tersebut tentang memberi khumus. Perbezaan-perbezaan seperti ini menurut Ibnu as-Shalah dan Qadhi ‘Iyaadh berpunca daripada perbezaan perawi-perawi dalam hafalan dan ketelitian mereka. Pendapat mereka berdua ini dianggap elok oleh al-Imam an-Nawawi. (5) Sesetengah ‘ulama’ berpendapat, sebenarnya Nabi s.a.w. ada menyebutkan juga tentang haji seperti yang terdapat di dalam riwayat Ibnu ‘Abbaas, tetapi perawi hadits ini terlupa menyebutnya. (6) Tidak disebutkan haji kerana haji pada ketika itu belum lagi difardhukan. Paling awal pun haji difardhukan pada tahun ke 8 hijrah. Sedangkan peristiwa ini berlaku sebelum itu.

tanganNya, aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangnya”.¹¹⁷ Apabila orang itu pergi, Nabi s.a.w. bersabda: “Siapa yang ingin melihat penghuni syurga, maka lihatlah orang ini.”¹¹⁸ (Bukhari-Muslim).

¹¹⁷ Persoalan yang timbul sekarang ialah kenapakah Rasulullah s.a.w. tidak menegur orang Arab dusun itu apabila ia bersumpah untuk tidak melakukan apa-apa amalan selain yang disebut Nabi s.a.w. di dalam hadits ini? Sedangkan pada ketika lain ada pula teguran Baginda s.a.w. terhadap orang yang bersumpah untuk tidak melakukan kebajikan?? Jawabannya ialah kadang-kadang hukum sesuatu berubah mengikut situasi orang yang menghadapinya. Itulah yang berlaku di sini. Tentulah ada keistimewaan orang berkenaan, sehingga Nabi s.a.w. tidak menegur dan membantah apa yang dicakapkannya itu.

¹¹⁸ Tidak menimbulkan kemusykilan jika Rasulullah s.a.w. memberi berita gembira untuk orang Arab dusun itu kerana dia mengatakan: “dan aku tidak akan mengurangi apa yang disebut oleh Baginda s.a.w. supaya dilakukannya itu. Yang menimbulkan kemusykilan ialah kenapa Rasulullah s.a.w. tidak menegurnya kerana telah berkata: “Aku tidak akan menambah” sesuatu selain yang disebut oleh Baginda s.a.w. dalam peristiwa ini! Bukankah banyak lagi hukum dan perintah yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. selepas itu? Adakah orang berkenaan bebas daripada hukum dan perintah itu? Berikut dikemukakan 10 jawapan yang diberikan oleh para ‘ulama’ untuk merungkai kemusykilan yang timbul ini. (1) Tidak ada sesuatu yang menimbulkan kemusykilan sebenarnya di sini. Kerana orang berkenaan hanya bermaksud mengatakan bahawa dia tidak akan melakukan amalan-amalan sunat sahaja. Adapun amalan-amalan yang wajib, itu tetap akan dilakukannya. Andai kata dia hanya beriman sahaja tanpa melakukan apa-apa amalan, sama ada yang wajib atau yang sunat sekalipun, tidak ada halangan untuk dia menjadi ahli syurga semata-mata. Nabi s.a.w. hanya menyebut orang itu sebagai ahli syurga. Tidak ada Baginda s.a.w. menyebutkan tentang darjatnya yang tinggi di dalam syurga atau dia mendahului orang-orang lain masuk ke syurga. Baginda s.a.w. hanya menyebut dia sebagai ahli syurga semata-mata, tidak lebih dari itu. (2) Menurut al-‘Allaamah at-Thibi, kata-kata orang Arab dusun itu hanya untuk menyatakan kesungguhannya (مبالغة) dalam menerima dan membenarkan apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya. Ma`na tersirat di sebalik kata-katanya ialah: قبلت كلامك قولا لا مزيد عليه من جهة السؤال ولا نقصان فيه من جهة القبول Bermaksud: Saya benar-benar menerima kata-katamu. Tidak ada apa-apa lagi untuk ditanya dan tidak ada lagi sedikit pun kekurangan di pihak saya dalam menerimanya. (3) Kata Ibnu al-Munaiyyir, orang Arab dusun itu menurut as-Shairafi adalah wakil kaumnya. Maksud kata-kata beliau: “Aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangnya” ialah tidak akan menambah dan tidak akan mengurangi apa-apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. itu apabila menyampaikannya kepada kaumnya. (4) Maksud kata-katanya itu ialah aku tidak akan menambah dan mengurangi sifat, kaifiat, bilangan dan sebagainya apa-apa amalan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. Sebagai contohnya sembahyang Maghrib, ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. sebanyak tiga raka`at, saya tidak akan menambah dan melebihkannya daripada tiga raka`at yang telah ditentukan itu. Sembahyang ‘Ashar pula dalam keadaan tidak bermusafir ditentukan oleh Baginda s.a.w. sebanyak empat raka`at, saya tidak akan mengurangkan raka`at yang telah ditentukan itu. Begitulah seterusnya. (5) Kadang-kadang kata-kata seseorang hanya membabitkan sesuatu secara keseluruhan dan dikehendaki dengannya kejadian asal serta yang kebanyakan. Ia sama sekali tidak dimaksudkan untuk setiap satu daripadanya. Apabila ahli ilmu Manthiq (Aristotle misalnya) mengatakan manusia itu adalah haiwan yang ber`aql, tidaklah beliau bermaksud setiap orang manusia itu

ber'aqal. Apa yang dimaksudkannya ialah manusia secara keseluruhan (من حيث المجموع), menurut kejadian asalnya yang sempurna dan yang kebanyakannya adalah ber'aqal. Kalau tidak difahami begini, niscaya akan terkeluarlah daripada ta'rif (definisi) manusia itu orang gila, orang mabuk dan sebagainya. (6) Ucapan seseorang kadang-kadang mengandungi beberapa frasa dan klausa. Tetapi yang dimaksudkan oleh pengucapnya ialah satu saja daripadanya. Yang dimaksudkan oleh orang Arab dusun itu bukan kedua-dua bahagian ucapannya, tetapi yang kedua daripadanya sahaja iaitu: "dan tidak akan mengurangnya". Bahagian pertama tidak lebih daripada pelengkap ucapan semata-mata. (7) "Aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangnya" tidak dipakai oleh orang Arab dusun itu dengan ma'na bahasa Arab biasa, bahkan ia dipakai dengan ma'na bahasa kiasan (كناية). Ma'na bahasa kiasannya ialah aku tidak akan mengubah sama sekali apa-apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. itu. Penggunaan bahasa kiasan seperti ini sering digunakan dalam bahasa Arab dan hadits-hadits. Antara contohnya ialah hadits yang dikemukakan oleh Tirmizi di bawah باب مَا مِنْ كَانَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ قَوْمٍ عَهْدٌ فَلَا يَخْلُلُ عَهْدًا وَلَا يَسُدُّنَهُ حَتَّى: berhubung dengan kisah Mu'aawiah dan 'Amar bin 'Abasah. 'Amar bin 'Abasah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: مَنْ كَانَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ قَوْمٍ عَهْدٌ فَلَا يَخْلُلُ عَهْدًا وَلَا يَسُدُّنَهُ حَتَّى Bermaksud: "Pemerintah yang telah membuat perjanjian damai dengan sesuatu kaum tidak boleh sama sekali membuka (ikatan) perjanjian dan tidak boleh juga sama sekali mengukuhkannya selagi tempohnya belum habis." (Hadits riwayat Tirmizi). Cuba lihat bahagian hadits yang bergaris di bawahnya. Dua perkara telah dilarang oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini. Pertamanya ialah "tidak boleh sama sekali membuka (ikatan) perjanjian". Dan keduanya ialah "dan tidak boleh juga sama sekali mengukuhkannya". Bahagian pertama memang dimaksudkan. Tetapi bahagian kedua tidak dimaksudkan ma'na zahirnya. Gabungan dua bahagian klausa itu merupakan (bahasa kiasan) kepada larangan Baginda s.a.w. daripada mengubah dan meminda dengan apa cara sekalipun perjanjian yang telah dibuat (كناية عن عدم التغيير), kecuali dengan persetujuan kedua-dua pihak. Kalau anda tidak menerima penggunaan bahasa kiasan (كناية) di sini, anda tentu akan pening kepala dalam menghadapi larangan Nabi s.a.w. daripada mengukuhkan perjanjian. Kerana bukannya yang dikehendaki Nabi s.a.w. ialah mengukuhkannya? (8) Orang Arab dusun itu datang terus kepada Rasulullah s.a.w. tanpa perantaraan sesiapa pun. Tujuannya ialah untuk mendapat kemudahan dan kelonggaran dalam beragama. Maka Nabi s.a.w. mengecualikannya daripada mengerjakan amalan-amalan sunat dan nawaafil sebagai rukhshah (kemudahan dan kelonggaran) kepadanya. Bukan sekadar itu, malah Baginda s.a.w. juga menyampaikan berita gembira tentangnya, bahawa dia adalah ahli syurga. Ini adalah sesuatu yang khusus dengan orang itu sahaja. Kes-kes seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai qaedah umum untuk semua orang. Memang ada ketikanya Allah memberikan kuasa kepada RasulNya s.a.w. untuk mengecualikan seseorang daripada peraturan dan hukum biasa. Apa yang berlaku ini adalah salah satu contohnya. Antara contoh lain yang juga terdapat di dalam hadits ialah dalam bab qurban, di mana Rasulullah s.a.w. telah mengecualikan seorang sahabatnya yang dikenali dengan Abu Burdah bin Niyaar daripada peraturan dan hukum biasa. Imam Bukhari dengan sanadnya meriwayatkan daripada Baraa', katanya: خَطَبَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ النَّحْرِ قَالَ إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبِّأُ بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ نُصَلِّيَ ثُمَّ نَرْجِعَ فَنَنْحَرَ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ عَجَلٌ لَأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ التَّسْبُكِ فِي شَيْءٍ فَقَامَ خَالِي أَبُو بُرْدَةَ بْنُ نِيَّارٍ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا ذَبَحْتُ قَبْلَ أَنْ أُصَلِّيَ وَعِنْدِي جَذَعَةٌ خَيْرٌ مِنْ مُسِنَّةٍ قَالَ اجْعَلْهَا مَكَانَهَا أَوْ قَالَ ادْبَحْهَا وَلَنْ تَجْزِيَ Bermaksud: Pernah pada suatu hari raya qurban Nabi s.a.w. berucap di hadapan kami. Kata Baginda s.a.w.: "Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali kita lakukan pada hari ini ialah bersembahyang (hari raya). Setelah pulang (dari bersembahyang) baru kita berqurban. Sesiapa yang melakukan begitu, ia menepati sunnah kami. Sesiapa yang

menyembelih (binatang qurban) sebelum bersembahyang, sembelihannya itu hanya merupakan daging yang disegerakannya untuk ahli keluarganya. Ia tidak menjadi qurban.” Maka berdirilah pak cik saya Abu Burdah bin Niyaar. Katanya: “Wahai Rasulullah! Saya telah menyembelih (binatang qurban saya) sebelum bersembahyang. (Bagaimanapun) Saya ada biri-biri yang baru berumur lapan bulan (جذعة), tetapi ia lebih baik daripada biri-biri yang sudah berumur setahun lebih (مسنة).” Kata Nabi s.a.w.: “Gantikan dengannya atau kata Baginda: “Sembelihlah yang itu. Namun begitu, biri-biri yang baru berumur lapan bulan tidak boleh (tidak sah) diqurbankan oleh sesiapa pun sesudahmu.” Selain Bukhari, Muslim, Tirmizi, Abu Daud dan Nasaa’i juga turut meriwayatkan hadits ini. (9) Maksud kata-kata orang Arab dusun itu ialah saya tidak akan menambahkan ibadat-ibadat yang fardhu itu dengan ibadat-ibadat yang sunat, namun begitu saya juga tidak akan mengurangkan ibadat-ibadat fardhu yang telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. kepada saya. Walaupun tidak melakukan langsung ibadat-ibadat sunat juga tercela dan tidak mengerjakan langsung amalan-amalan nawaafil menyebabkan seseorang tidak mendapat banyak kelebihan, namun orang yang hanya melakukan apa-apa yang difardhukan sahaja tetap selamat daripada kemurkaan Allah dan tetap terhindar dari api neraka. Dengan itu ia tentunya akan menjadi ahli syurga. (10) Maulana Muhammad Idris al-Kandhlawi di dalam Syarah Misykaatnya at-Ta’liq as-Shabih berpendapat, maksud kata-kata orang Hulu Arab itu ialah aku tidak akan memandai-mandai menambahkan apa yang telah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. kepadaku dan tidak juga akan memandai-mandai mengurangkannya. Aku tidak akan mengganti, mengubah dan meminda sedikit pun daripadanya. Apa yang akan aku lakukan hanyalah mengamalkan betul-betul seperti yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepadaku. Sikap yang diambilnya itu betul-betul seperti sikap Rasulullah s.a.w. terhadap wahyu yang diterimanya. Allah berfirman:

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا يَنْسَوْنَ أَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ لَهَا بَقَرَةٌ غَيْرُ هَذِهِ أَوْ بَدَلَةٌ فَلِمَ يَنْصَرِفُونَ عَنْ طَاعَتِ اللَّهِ وَأَنِذِرْهُمْ يَوْمَ الْآزِفَةِ إِذِ الْقُلُوبُ أَلْفُتْ ۚ لَمَّا صُفِّدُوا وَكَانُوا ظُلُمًا ذُلُمًا ۚ

نَفْسِي إِنْ أَتَّبَعْتُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ۖ إِنِّي أَخَافُ أَنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابٌ يَوْمٍ عَظِيمٍ ۝

Bermaksud: dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang nyata, orang-orang yang tidak percaya akan bertemu dengan Kami berkata: “Datangkanlah Al-Quran yang lain dari yang ini atau gantilah dia.” Katakanlah: “Aku tidak berhak menggantikannya dengan kemahuanku sendiri, aku tidak mengikut kecuali apa yang diwahyukan kepadaku. Sesungguhnya aku takut jika mendurhakai Tuhanku kepada siksa hari yang besar (kiamat).” (Yunus:15).

Isyarat Nabi s.a.w. dalam sabdanya: فَلْيَنْظُرْ إِلَىٰ هَذَا (maka lihatlah orang ini), adakah meruju kepada orang Arab dusun itu secara khusus atau ia merangkumi orang jenis itu atau orang seperti itu dengan taqdir: مثل هذا الرجل وجنسه الذي يعزم على فعل المأمورات وترك المنهيات Bermaksud: maka lihatlah orang seperti ini atau orang jenis ini yang bertekad untuk melakukan apa-apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa-apa yang ditegah? Kedua-duanya boleh jadi, akan tetapi yang lebih tepatnya ialah ia meruju kepada orang berkenaan sahaja. Para ‘ulama’ juga berbeda pendapat tentang asas yang mendorong Nabi s.a.w. mengatakan orang itu ahli syurga. Ada yang mengatakan asasnyalah wahyu. Inilah pendapat yang terbaik. Ada yang mengatakan berat sangka (غلبة الظن) Baginda s.a.w. saja dan ada pula yang mengatakan di dalam sabda Rasulullah s.a.w. itu ada sesuatu yang dibuang (محذوف) dan ia perlu ditaqdirkan. Kalau di dalam hadits Abi Ayyub, taqdirnya: إن تمسك بما أمر به دخل الجنة Bermaksud: Jika dia berpegang teguh dengan apa yang diperintahkan, niscaya masuk syurgalah dia. Maka di sini sesuai juga kalau ditaqdirkan: إن دام على امتثال الأوامر التي أمر به

Iman Yang Sempurna

١٣- وَعَنْ سُفْيَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الثَّقَفِيِّ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ، وَفِي رَوَايَةٍ: غَيْرَكَ قَالَ: قُلْ: آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقِمَّ - رواه مسلم.

13- Sufyan bin Abdilllah Ats-Tsaqafi¹¹⁹ meriwayatkan, katanya: “(Pernah aku berkata kepada Rasulullah s.a.w.): “Wahai Rasulallah, ajarkan kepadaku suatu perkara dalam Islam¹²⁰ yang tidak perlu aku tanyakan lagi pada orang lain sepeninggalanmu.” Di dalam satu riwayat lain, “selainmu”.¹²¹ Kata Rasulullah s.a.w.: “Katakanlah, aku beriman kepada Allah¹²² dan kemudian berpegang teguhlah dengan ajaranNya.”¹²³ (Muslim).¹²⁴

Bermaksud: Jia dia terus menjunjung segala perintah yang diberikan kepadanya, dan sebagainya. **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Nabi s.a.w. selalu dikunjungi orang, sama ada secara beramai-ramai atau secara individu. Sering juga Baginda s.a.w. dikunjungi oleh wakil kumpulan atau kaum tertentu. Tujuan kunjungan selalunya adalah untuk mengetahui selok-belok agama Islam. (2) Sikap terbuka dan berterus terang para sahabat nabi. (3) Sering kali beraku, sikap berterus terang seseorang membawa keuntungan dan kebaikan kepadanya. (4) Sikap terbuka Rasulullah s.a.w. ketika diajukan apa-apa soalan. (5) Tidak salah mengharapkan syurga dengan sesuatu amalan yang dilakukan. (6) Ajaran tauhid sentiasa terserlah di sebalik sabda-sabda Rasulullah s.a.w. (7) Nabi s.a.w. sentiasa menyampaikan rukun Islam dan ajaran-ajaran agama yang terpenting kepada umatnya dengan pelbagai cara. (8) Keharusan bersumpah untuk menguatkan sesuatu ucapan dan kenyataan. (9) Ramai juga sahabat yang disebut oleh Rasulullah sebagai ahli syurga. (10) Ramai juga sahabat yang dikecualikan daripada peraturan dan hukum kebiasaan.

¹¹⁹ Kuniahnya ialah Abu `Amar atau Abu `Amrah. Sufyan bin Abdilllah Ats-Tsaqafi memeluk agama Islam bersama-sama rombongan Tsaqif. Saiyyidina `Umar telah melantiknya sebagai pemungut zakat dan sedekah orang-orang Tha'if setelah `amil sebelumnya `Utsman bin Abi al-`Aash ditukarkan ke Bahrain. Kata Ibnu `Abdil Barr, beliau terbilang sebagai sahabat nabi yang tinggal di Tha'if. Sempat mendengar hadits Nabi s.a.w. dan meriwayatkannya. Mulla `Ali al-Qari berkata: Haditsnya (yang diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadits) ada lima sahaja.

¹²⁰ Maksud Sufyan ialah suatu perkara atau ajaran yang benar-benar merangkumi Islam selengkapnya atau suatu perkara yang dapat memenuhi semua sekali hak-hak dan tuntutan Islam.

¹²¹ Maksudnya ialah ada perawi menyebutkan perkataan ‘selainmu’ di tempat ‘sepeninggalanmu’.

¹²² Segarkan sentiasa imanmu dengan mengingati Allah, menyebut namaNya dan mengamalkan segala tuntutanNya.

¹²³ Maksud sabda Nabi s.a.w. ini ialah apabila engkau menerima Allah jua sebagai Tuhan dan Rabmu, maka abdikanlah dirimu kepadaNya semata-mata. Penuhilah hak-hak Allah dan tuntutan-tuntutan agamaNya di sepanjang kehidupanmu. Biarlah perjalanan hidupmu benar-